

Najib sembuh, akan ke mesyuarat kabinet Jumaat
Malaysiakini.com
November 10, 2010

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dijangka kembali bertugas dalam tempoh terdekat setelah disahkan sembuh daripada penyakit ulser dan cacar, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican.

Najib menjalani ujian endoskopi di Hospital Selayang pagi ini yang menunjukkan ulser yang dialaminya telah sembuh, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Ismail berkata doktor-doktor peribadi Perdana Menteri mendapati tahap kesihatan beliau menunjukkan kemajuan yang amat baik dan beliau boleh kembali bertugas seperti biasa.

"Beliau dijadual mempengerusikan mesyuarat kabinet Jumaat ini," katanya.

Najib, yang diserang cacar lewat bulan lalu, dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada Khamis lalu akibat penyakit ulser serta gastritis ringan.

Beliau dibenarkan pulang pada Ahad lepas dan dinasihatkan berehat.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147808>